



Ruj. Kami : KUIM/HEPA/PNT/01/19

Tarikh : 18 OKTOBER 2019  
19 SAFAR 1441H

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

|                |  |
|----------------|--|
| Perkara        | <b>TABUNG BANTUAN KOLEJ KEDIAMAN</b>   |
| Kepada         | <b>Semua Mahasiswa /i</b>  |
| Daripada       | Pengarah HEPA  |
| Salinan Kepada | <ul style="list-style-type: none"><li>• Ybhg. Prof. Naib Canselor</li><li>• Bendahari</li><li>• Pengarah Akademik</li><li>• Semua Dekan</li><li>• Timb. Pengarah HEPA</li><li>• En. Muhammad Shahril Bin Md Zin</li><li>• Presiden Majlis Perwakilan Pelajar</li></ul> |

Merujuk kepada mesyuarat MPP bersama HEPA pada tarikh 7 Oktober 2019 dan keputusan mesyuarat Mesyuarat Pengurusan Eksekutif KUIM pada tarikh 17 Oktober 2019 adalah berkait

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pengurusan KUIM bersetuju untuk mewujudkan satu tabung yang dipanggil Tabung Bantuan Kolej Kediaman bagi membantu para pelajar yang akan terlibat dengan kadar kenaikan yuran asrama yang akan dikenakan.

3. Dengan adanya Tabung Bantuan Kolej Kediaman ini semua pelajar sediaada bermula dari semester 2 dan ke atas Diploma dan Ijazah Sarjana Muda pada sesi 2 2019/2020 ( Disember 2019) akan diberi bantuan RM 50.00 setiap seorang pada setiap semester sehingga selesai pengajian. Duit bantuan ini akan disalurkan terus dari tabung tersebut untuk membayar yuran asrama setiap semester. Di samping itu juga pelajar yang layak (perlu memohon) akan juga diberi bantuan zakat, bantuan sara diri dan kupon makan termasuk juga bantuan kecemasan dari Tabung Kebajikan Pelajar.

4. Sehubungan itu yuran Kolej Kediaman yang dimaklumkan dalam pra pendaftaran pada sesi 2 2019/2020 (Disember 2019) adalah kekal seperti berikut :

- a) Bilik 4 orang : RM 1,080.00/ seorang/semester
- b) Bilik 3 orang : RM 1,200.00/ seorang/semester
- c) Bilik 2 orang : RM 1,320.00/ seorang/semester

5. Oleh yang demikian semua pelajar adalah diwajibkan tinggal di Kolej Kediaman yang baharu bermula sesi Disember 2019 akan datang. Sila ambil perhatian bahawa bantuan ini tidak terpakai kepada para pelajar yang berada di semester praktikal di luar KUIM dan para pelajar baru sesi kemasukan akan datang (Disember 2019).

Kerjasama semua mahasiswa/i amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian. Wassalam.

**"MELAKA BERWIBAWA"**

**"PINTAR, HIJAU, BERSIH"**

**"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(HJ. BAHAROM BIN SAID)